

21.2.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**  
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

## **PAKAR RUNDING PIL1 TELAH DIBERITAHU UNTUK MEMATUHI PERUNDANGAN NEGERI**

- **PBAPP telah memaklumkan secara rasmi kepada DoE bahawa pakar runding untuk projek Pan Island Link 1 (PIL1) mesti mematuhi peruntukan-peruntukan Perintah Bekalan Air Negeri Pulau Pinang (Kawasan Tadahan) 2004 dan 2009.**

PULAU PINANG, Jumaat, 21.2.2020: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah memaklumkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di Putrajaya bahawa pakar runding PIL1 mesti mematuhi perundangan negeri, berhubung Empangan Air Itam dan semua aset air lain berkaitan di Pulau Pinang.

Dalam surat kepada JAS bertarikh 20.8.2018, PBAPP telah menyatakan bahawa pakar runding PIL1 mesti memastikan bahawa semua kerja letupan dan penggerudian berkaitan PIL1 tidak menjejaskan integriti struktur Empangan Air Itam.

Dalam surat yang sama, PBAPP juga meminta pakar runding PIL untuk menyerahkan “laporan kajian kejuruteraan getaran” untuk mengesahkan bahawa kerja pembinaan PIL1 tidak akan menjejaskan empangan dan aset air lain, termasuk muka sauk air mentah, kolam air terawat dan saluran paip utama.

Berikutan Sesi dialog awam PIL1 pada 21.9.2018, PBAPP menghantar surat kedua kepada JAS, bertarikh 3.10.2018, menyatakan bahawa pakar runding mesti mematuhi Perintah Bekalan Air (Kawasan Tadahan) dan Perintah Bekalan Air (Kawasan Tadahan) 2009.

Ini kerana jajaran PIL1 akan melalui kawasan berhampiran muka sauk Tat dan muka sauk *Main* bagi Loji Rawatan Air Itam.

Salinan kedua-dua surat ini juga dihantar kepada Konsortium SRS. PBAPP sedang menunggu “laporan kajian kejuruteraan getaran” mereka.

## **Jalan boleh dibina dengan selamat berhampiran empangan**

Walaupun PBAPP telah menyatakan kebimbangannya mengenai pembinaan PIL1, kami juga ambil perhatian bahawa jalan raya dan lebuh raya mungkin dibina dengan selamat berhampiran empangan.

Di Kedah, jalan raya, lebuh raya dan jambatan telah dibina berhampiran Empangan Muda dan Empangan Beris, serta sepanjang Sungai Muda, sumber air mentah utama Pulau Pinang. Projek-projek infrastruktur jalan ini tidak dilihat membahayakan empangan atau sungai.

Menurut laporan berita pada April 2019, JAS telah memberikan “lampu hijau” untuk laporan penilaian kesan alam sekitar (EIA) projek PIL1, dengan 56 syarat. Seperti yang disebutkan, PBAPP telah memaklumkan JAS mengenai kebimbangannya melalui dua surat rasmi, sebelum JAS mengeluarkan kelulusannya. Dalam konteks ini, kita mengandaikan bahawa semua kebimbangan bekalan air PBAPP telah diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh JAS.

Cabaran untuk para perunding dan kontraktor PIL1 sekarang adalah untuk memastikan kerja-kerja pembinaan tidak, dengan cara apapun, menjejaskan keselamatan dan integriti struktur Empangan Air Itam; serta fungsi semua muka sauk air, takungan dan saluran paip di Pulau Pinang. Kata kunci adalah “keselamatan”.

PBAPP, sebagai operator bekalan air yang memberi khidmat di Pulau Pinang, akan mengawasi kerja-kerja pembinaan. Kami juga akan memantau dengan teliti status Empangan Air Itam, Takungan Air Itam, muka sauk Tat dan muka sauk *Main* untuk Loji Rawatan Air Itam, dan semua saluran paip utama.

Sekiranya terdapat sebarang kesan negatif, kami tidak akan teragak-agak untuk memfailkan laporan kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Badan Kawal Selia Air Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diberi kuasa untuk mengambil tindakan terhadap semua pihak yang menjalankan projek PIL1.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat

Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)